



# BAB SATU



PERANCANGAN KEMAJUAN



## BAB SATU

### LATAR BELAKANG BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)

#### 1.0 PENGENALAN

Sebelum wujudnya perbankan Islam umat Islam di seluruh dunia hanya mempunyai sistem kewangan konvensional bagi memenuhi keperluan kewangan mereka. Setelah begitu lama umat Islam menggunakan dan mempelajari sistem kewangan konvensional yang diperkenalkan oleh dunia barat maka mereka dapat mengenalpasti kelemahan yang terdapat dalam sistem tersebut dan cuba untuk mencari alternatif atau jawapan bagi menyelesaikan kelemahan yang terdapat dalam sistem kewangan konvensional.

Pada tahun 1960-an umat Islam mula mencari jawapan melalui apa yang terdapat dalam agama mereka bagi di sesuaikan dengan kehidupan harian dan mereka menemui muamalat Islam sebagai jawapan kepada semua permasalahan serta kelemahan yang terdapat dalam sistem konvensional. Semenjak itu bermulalah revolusi dalam muamalat Islam dan para ulama mula melakukan banyak ijтиhad dalam bidang muamalat bagi disesuaikan dengan kehendak kewangan moden.



Hasilnya pada tahun 1963 maka wujudlah perbankan Islam yang pertama di dunia yang dikenali sebagai Bank Mit Ghamr di Mesir. Dalam bab ini penulis akan cuba mengupas sedikit sebanyak tentang sejarah penubuhan bank Islam di dunia dan evolusinya di Malaysia sehinggalah kepada penubuhan BMMB dan latar belakangnya.

## 1.1 SEJARAH PERBANKAN ISLAM

Perbankan Islam secara umumnya didefinisikan sebagai urusan perbankan yang bebas daripada amalan riba dan berdasarkan kepada prinsip-prinsip muamalat Islam yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah.<sup>1</sup> Bank Islam atau perbankan Islam juga ditakrifkan sebagai institusi yang diwujudkan untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan bank khususnya kepada umat Islam dengan cara berlandaskan hukum syarak.<sup>2</sup>

Sudin Haron menyatakan bank Islam sebagai sebuah sistem perbankan yang berlandaskan hukum Islam atau dalam bahasa arabnya disebut sebagai syariah.<sup>3</sup> Matlamat utama kepada penubuhan perbankan Islam ialah untuk menghapuskan amalan riba daripada semua transaksi

<sup>1</sup> Joni Tamkin Borhan (Dr) (2000), "Pemikiran Perbankan Islam: Sejarah dan Perkembangannya", *Jurnal Usuluddin*, Bil 12, Disember 2000, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hal 105.

<sup>2</sup> Joni Tamkin Borhan (Dr) (2001), "Isu-isu Syariah Dalam Perbankan Islam", *PEMIKIR*, Bil 26, Oktober-Disember 2001, hal 106.

<sup>3</sup> Sudin Haron (1996), **Prinsip dan Operasi Perbankan Islam**, Berita Publishing Sdn Bhd, Kuala Lumpur, hal 2.



perbankan dengan menawarkan produk-produk serta perkhidmatan-perkhidmatan alternatif yang dapat bersaing secara sihat dengan perbankan konvensional. Segala transaksi perniagaannya adalah berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah yang membawa kepada prinsip keadilan dan kesaksamaan demi kepentingan masyarakat secara keseluruhannya.<sup>4</sup>

Sistem perbankan konvensional telah bertapak dipersada perbankan dunia kira-kira 856 tahun yang lalu dan penubuhan *Banco della Pizza di Rialto* di Venice dalam tahun 1587 dianggap sebagai titik permulaan perkembangan perbankan konvensional. Di England perbankan konvensional wujud sekitar tahun 1694 melalui penubuhan *Bank of England*.<sup>5</sup>

Sistem perbankan Islam bermula dengan tertubuhnya *Mith Ghamr Local saving Bank* oleh Dr Ahmad al-Najjar pada 25 Jun 1963 dan beroperasi sehingga tahun 1967.<sup>6</sup> Bank ini kemudiannya diambil alih oleh *National Bank of Egypt* dan *Central Bank of Egypt* kerana dipengaruhi oleh keadaan politik dibawah pimpinan Nasir yang tidak menyenangi kemunculan bank ini dan prestasinya yang begitu memberangsangkan. *Mith Ghamr Local Saving Bank* terletak di pedalaman Lembah Nil di Mesir. Bank ini menyediakan perkhidmatan asas bank seperti akaun tabungan, akaun pinjaman,

<sup>4</sup> Joni Tamkin Borhan (Dr) (2000), *Op.cit.*, hal 105 dan lihat juga Sudin Haron (1996), *Ibid.*, hal 2.

<sup>5</sup> Sudin Haron (1996). *Op.cit.*, hal 2-3.

<sup>6</sup> Azlan Khalili Shamsuddin (2000), **Riba Alternatifnya Dalam Sistem Bank Islam**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hal 26.



penyertaan ekuiti, pelaburan terus dan perkhidmatan sosial. Perkhidmatan yang berdasarkan prinsip syariah ini mendapat sambutan hangat daripada penduduk tempatan dan para petani.

Dalam lebih kurang lima tahun operasinya jumlah penyimpan di bank ini bertambah secara mendadak iaitu dari 17,560 penyimpan pada tahun pertama operasinya (1963/1964) meningkat kepada 251,152 penyimpan pada akhir tahun kewangan 1966/1967. Begitu jugalah dengan jumlah deposit bank iaitu dari £ 40,944 pada akhir tahun pertama operasinya kepada £ 1,828,375 pada akhir tahun kewangan 1966/1967.<sup>7</sup>

Walaupun *Mith Ghamr Local Saving Bank* wujud hanya dalam tempoh yang singkat tetapi ianya telah berjaya membuka mata golongan cerdik pandai Islam ketika itu, bahawa prinsip-prinsip syariah sesuai untuk diterapkan ke dalam perniagaan moden masa kini. Hasil dari kesedaran ini maka para cendikiawan Islam mula melakukan kajian serta berijtihad dalam bidang muamalat bagi menyesuaikan prinsip-prinsip asas syariah dalam muamalat dengan keperluan perniagaan moden.

Namun demikian, usaha ini mendapat banyak cabaran terutamanya kekurangan rujukan atau bahan yang lengkap mengenai hal-hal yang

<sup>7</sup> Sudin Haron (1996), *Op.cit.*, hal 8.



sedemikian dan kesukarannya ditambah lagi dengan kekurangan para ahli ekonomi Islam yang mahir dalam ekonomi dan dalam masa yang sama mahir dalam penentuan hukum agama. Ini kerana kebanyakkan mereka dilatih oleh ahli ekonomi barat dan tidak mempunyai asas agama yang secukupnya bagi melayakkan mereka berijihad. Namun, ini semua tidak melemahkan semangat mereka untuk melihat sistem ekonomi Islam tertegak di negara-negara mereka.<sup>8</sup>

Proses penubuhan perbankan Islam seterusnya tercetus apabila Almarhum Raja Faisal bin Abdul Aziz al-Saud dari Arab Saudi mencetuskan penubuhan Pertubuhan Negara-negara Islam atau lebih dikenali sebagai *Organization of Islamic Conferences* (OIC). Daripada penubuhan OIC ini Raja Faisal menyarankan supaya setiap negara Islam menujuhkan Sistem Perbankan Islam (SPI) di negara masing-masing. Pada tahun 1975 *Islamic Development Bank* (IDB) ditubuhkan dan iaanya dianggap sebagai pendorong utama kepada penubuhan bank-bank Islam yang lain di seluruh dunia yang kebanyakannya ditubuhkan sekitar tahun 1970-an dan 1980-an. Ini secara jelasnya kita dapat lihat melalui jadual di sebelah yang menunjukkan secara terperinci berkenaan penubuhan bank-bank Islam di semua negara Islam.<sup>9</sup>

<sup>8</sup> *Ibid.*, hal 9.

<sup>9</sup> *Ibid.*, hal 10.



Jadual 1.01: Senarai Bank-bank Islam Sekitar Tahun 1970-an hingga 1980-an

Nama	Negara	Tahun
Nasser Social Bank	Mesir	1972
Islamic Development Bank	Arab Saudi	1975
Dubai Islamic Bank	Emiriyah Arab Bersatu	1975
Faisal Islamic Bank of Egypt	Mesir	1977
Faisal Islamic Bank of Sudan	Sudan	1977
Kuwait Finance House	Kuwait	1977
Islamic Banking system International Holding	Luxemburg	1978
Jordan Islamic Bank	Jordan	1978
Bahrain Islamic Bank	Bahrain	1979
Dar al-Mal al-Islami	Switzerland	1981
Bahrain Islamic Inv. Company	Bahrain	1981
Islamic International bank for Investment & Development	Mesir	1981
Islamic Investment House	Jordan	1981
Al-Baraka Investment and Development Company	Arab Saudi	1982
Saudi-Philipine Islamic Development Bank	Arab Saudi	1982
Bank Islam Malaysia Berhad	Malaysia	1983
Islamic Bank Bangladesh Limited	Bangladesh	1983
Islamic Bank International	Denmark	1983
Tadamon Islamic Bank	Sudan	1983
Qatar Islamic Bank	Qatar	1983
Bait Ettamouil Saudi Tounsi	Tunisia	1984
West Sudan Islamic Bank	Sudan	1985
Al-Baraka Turkish Fin. House	Turki	1985
Faisal Fainance Institution Inc.	Turki	1985
Al-Rajhi Company for Currency Exchange & Commerce	Arab Saudi	1985
Al-Ameen Islamic & Financial Inv. Corp. India Ltd.	India	1985

Sumber : Prinsip dan Operasi Perbankan Islam.<sup>10</sup>

<sup>10</sup> *Ibid.*, hal 11.



## 1.2 EVOLUSI PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA

Di Malaysia semangat ingin kembali kepada pengamalan agama Islam secara menyeluruh telah menular di kalangan cerdik pandai Islam sekitar tahun 1970-an dan ini secara tidak langsung telah menimbulkan idea supaya perbankan Islam perlu diwujudkan di Malaysia. Idea ini ditimbulkan oleh pelbagai pihak sama ada individu, kumpulan-kumpulan atau agensi-agensi tertentu.<sup>11</sup>

Idea ini seterusnya dibawa ke dalam seminar-seminar dan kongres-kongres bagi dibincangkan secara lebih matang dan menyeluruh bagi tujuan mendesak kerajaan menuju perbankan Islam di Malaysia. Antara kongres dan seminar yang berlangsung ialah Kongres Ekonomi Bumiputera pada tahun 1980 di mana peserta-pesertanya telah meluluskan usul meminta kerajaan memberikan Lembaga Urusan dan Tabung Haji menuju sebuah bank Islam bagi tujuan mengumpul dan melaburkan wang kepunyaan umat Islam dan Seminar Kebangsaan Konsep Penbangunan dalam Islam pada tahun 1981 yang menggesa kerajaan agar mengambil tindakan segera untuk mengadakan undang-undang bagi membolehkan penubuhan bank dan badan kewangan yang operasinya berlandaskan prinsip-prinsip syariah.<sup>12</sup>

<sup>11</sup> *Ibid.*, hal 20.

<sup>12</sup> *Ibid.*, lihat juga Bank Islam Malaysia Berhad (1995) **Organization and Operation**, 4<sup>th</sup> Edition, hal 2.



Hasil daripada gesaan dan desakan tersebut, kerajaan telah menerima cadangan Lembaga Urusan dan Tabung Haji supaya langkah ke arah penubuhan bank Islam diselaraskan di peringkat kebangsaan. Maka pada 30 Julai 1981, kerajaan telah membentuk Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam yang dipengerusikan oleh Raja Tan Sri Mohar Raja Badiozaman dan LUTH sebagai pihak urusetianya. Bagi tujuan penyediaan laporan, jawatankuasa ini telah menggunakan operasi Faisal Islamic Bank of Egypt dan Faisal Islamic Bank of Sudan sebagai panduan.<sup>13</sup>

Pada 5 Julai 1982, jawatankuasa ini telah berjaya mengemukakan laporannya dan memperakarkan perkara-perkara berikut ;<sup>14</sup>

- (i) Sebuah bank Islam yang menjalankan operasinya berlandaskan hukum syarak hendaklah ditubuhkan.
- (ii) Bank Islam tersebut hendaklah diperbadankan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965.
- (iii) Oleh kerana Akta Bank 1973 tidak sesuai bagi operasi bank Islam, maka satu peruntukan undang-undang yang dikenal sebagai Akta Bank Islam 1983 hendaklah diadakan untuk melesenkan dan mengawasi bank Islam dan pengawasan bank Islam di bawah akta ini hendaklah dilakukan oleh Bank Negara Malaysia.

<sup>13</sup> *Ibid.*, hal 20-21.

<sup>14</sup> *Ibid.*, hal 21. Lihat juga BIMB (1995) Organization and Opration, *Op.cit*, hal 2-3.



- (iv) Bank Islam hendaklah menubuhkan Majlis Pengawasan Syariah untuk menentukan bahawa ia menjalankan urusniaganya mengikut lunas-lunas hukum syarak.

Bagi membuka jalan kepada penubuhan bank Islam di Malaysia, kerajaan telah meluluskan akta yang dipanggil Akta Bank Islam 1983 yang mula berkuatkuasa pada 7 April 1983. Akta ini menggariskan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh bank Islam yang mahu beroperasi di Malaysia dan juga kuasa-kuasa Bank Negara Malaysia di dalam menyelia dan mengawal perjalanan operasi perbankan Islam. Serentak dengan ini, kerajaan juga telah meluluskan Akta Pelaburan Kerajaan 1983, yang mana akta ini membolehkan kerajaan untuk mengeluarkan sijil pelaburan berdasarkan prinsip Syariah.<sup>15</sup>

Dengan wujudnya Akta Bank Islam 1983, maka tertubuhlah bank Islam yang pertama di Malaysia pada tahun 1983 dengan nama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). BIMB diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 1 Mac 1983 dan memulakan operasinya sebagai bank Islam pada 1 Julai 1983. BIMB menawarkan perkhidmatan yang sama dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh perbankan konvensional tetapi

---

<sup>15</sup> Ibid.



perkhidmatannya berdasarkan prinsip-prinsip syariah yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariahnya.<sup>16</sup>

BIMB memulakan operasinya dengan modal yang dibenarkan sebanyak RM 500 juta dengan pembahagian saham sebanyak 499,999,999 saham dengan nilai sesaham RM 1. Modal berbayar BIMB pada permulaan operasinya adalah sebanyak RM 80 juta.<sup>17</sup> Pada 17 Januari 1992, BIMB telah disenaraikan di Papan Utama, Bursa Saham Kuala Lumpur.<sup>18</sup>

Bagi memperluaskan perkhidmatan sistem perbankan Islam, pada awal tahun 1993, 21 produk perbankan Islam telah diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia dan dipenghujung tahun 1995, sebanyak 42 institusi kewangan telah menyertai Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF).<sup>19</sup> Pada awal tahun 1994 pula pasaran wang antara bank berlandaskan undang-undang Islam telah diperkenalkan. Ianya merangkumi perdagangan alat-alat kewangan Islam antara bank, pelaburan antara bank secara Islam dan sistem penyelesaian cek antara bank secara Islam.<sup>20</sup>

<sup>16</sup> *Ibid.*

<sup>17</sup> BIMB(1995), Organization and Operation, *Op.cit*, hal 4-5.

<sup>18</sup> Sudin Haron (1996), *Op.cit*, hal 22.

<sup>19</sup> Nur Muhammed Yakop (1996), **Sistem Kewangan Islam di Malaysia**, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, hal 22. Lihat juga Ab. Mumin Ab.Ghani (1999), **Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia**, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kuala Lumpur, hal 336-337.

<sup>20</sup> *Ibid.*, Ab Mumin Ab. Ghani (1999), hal 284-285. Lihat juga Abdullah @ Alwi Hj Hassan (Prof Dr) (2000), "Institusi Kewangan Islam : Perbankan Islam dan Insurans Sebagai Alternatif", **Diskusi Ekonomi Islam**, Akademi Pengajian Islam UM, Kuala Lumpur, 29 November 2000, hal 4.



Pada Julai 1997, Malaysia mengalami kegawatan ekonomi akibat penurunan matawang ringgit dan ini memberi kesan yang ketara kepada sektor perbankan dan kewangan negara. Bagi mengatasi masalah kekurangan dana dalam perbankan negara, Bank Negara Malaysia mengesyorkan kepada semua institusi bank yang menghadapi masalah supaya bergabung menjadi satu institusi bank yang lebih kukuh bagi menghadapi tekanan modal. Hasil daripada saranan ini, antara bank yang mengambil enisiatif untuk bergabung ialah Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan Bank of Commerce (M) Berhad yang merupakan anak syarikat kepada Commerce Asset-Holding Berhad pada 8 Februari 1999. Hasil daripada penggabungan ini maka wujud dua entiti bank iaitu Bumiputra-Commerce Bank Malaysia Berhad (BCB) dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). BMMB merupakan bank Islam sepenuhnya dan ianya menjadi bank Islam yang kedua di Malaysia dengan memulakan operasinya pada 1 Oktober 1999.<sup>21</sup> Demikianlah evolusi atau perkembangan industri perbankan Islam di Malaysia dan ianya pasti akan terus mengalami perubahan demi perubahan mengikut keperluan perbankan moden semasa.

<sup>21</sup> Bank Negara Malaysia (1999), **Annual Report**, hal 157-158. Lihat juga Joni Tamkim Borhan(Prof. Madya) (2002), "Ke Arah Pemantapan Pemahaman & Aplikasi Ekonomi Islam di Malaysia", **Bengkel Ekonomi Islam**, Akademi Pengajian Islam UM, 22 Jun 2002, hal 8.



### 1.3 SEJARAH PENUBUHAN DAN PERASMIAN BMMB

Penandatanganan Perjanjian Pertukaran saham di antara Menteri Kewangan (Diperbadankan) Malaysia, Khazanah Nasional Berhad dan Commerce Asset Holding Berhad (CAHB) pada 8 Februari 1999 memperakukan penggabungan Bank of Commerce (M) Berhad yang merupakan anak syarikat Commerce Asset-Holding Berhad dan Bank Bumiputra Malaysia Berhad bagi mewujudkan dua bank yang baru iaitu Bumiputra-Commerce Bank Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad.<sup>22</sup>

Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) telah menjalankan operasinya secara rasmi pada 1 Oktober 1999 dengan dana pemegang saham sebanyak RM 300 juta dan pengambilalihan aset Skim Perbankan Islam, Bank Bumiputra Malaysia Berhad, BBMB Kewangan dan Bank of Commerce (M) Berhad yang berjumlah kira-kira RM 3 billion.<sup>23</sup> Ianya beroperasi dengan 40 cawangan di seluruh negara dan tenaga kerjanya seramai 1,011 orang.<sup>24</sup>

BMMB dirasmikan secara sepenuhnya ialah pada 29 Ogos 2000 bersamaan 29 Jamadilawal 1421H oleh YAB Dato' Seri Abdullah bin Haji

<sup>22</sup> Bank Muamalat Malaysia Berhad (2000) *Annual Report April 1999 hingga Mac 2000*, hal 10.

<sup>23</sup> Bank Muamalat Malaysia Berhad (2000/01), *Suara Muamalat*, Edisi 1, hal 11.

<sup>24</sup> Tuan Haji Sabar Abdul Rahman, Ketua Bahagian Operasi BMMB, (2001) "Second Islamic Bank", *Diskusi Ekonomi Islam*, Akademi Pengajian Islam UM, Kuala Lumpur, 1 Ogos 2001, hal 1.



Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia bertempat di ibu pejabat BMMB Jalan Melaka, Kuala Lumpur. Seramai 500 tetamu yang terdiri daripada Menteri-Menteri Kabinet, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun, Bank Negara Malaysia, Duta-Duta Negara Sahabat, Pelanggan dan warga bank di ibu pejabat.

Majlis perasmian ini bermula pada jam 2.00 petang dengan ketibaan para jemputan, 2.30 petang ketibaan YAB Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, 2.35 petang, bacaan doa selamat oleh Y.Bhg. Ustaz A. Jalil Dg. Perangreng @ Sindring, Iman Masjid Negara, 2.40 petang ucapan oleh Penggerusi BMMB iaitu Datuk Ismail bin Haji Ahmad, 2.55 ucapan perasmian oleh YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, 3.05 petang upacara perasmian dan penyampaian cenderahati, 3.15 petang Lawatan Timbalan Perdana Menteri ke Cawangan BMMB Jalan Melaka, 3.20 petang Timbalan Perdana Menteri membuka akaun BMMB, 3.30 petang Jamuan ringan, 3.45 petang sidang akhbar dan pada 4.00 petang majlis perasmian bersurai.<sup>25</sup>

Dalam tempoh 6 bulan BMMB beroperasi iaitu bermula dari 1 Oktober 1999 sehingga 31 Mac 2000, BMMB telah mencatat keuntungan sebelum zakat dan cukai sebanyak RM 14.4 juta. Jumlah aset BMMB adalah

<sup>25</sup> Bank Muamalat Malaysia Berhad (2001), **Suara Muamalat**, Edisi Khas Perasmian Bank, hal 1-15.



sebanyak RM 3.51 juta pada penghujung tahun kewangan. Semenjak penubuhan bank, pembiayaan pelanggan dan deposit masing-masing mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan pada pengakhir tahun kewangan iaitu RM 1.08 billion untuk pembiayaan dan RM 3.03 billion untuk deposit. Operasi bank secara amnya untuk tempoh kajian ini dianggap memuaskan walaupun isu-isu yang berkaitan dengan proses penggabungan ini mengambil banyak masa dan tenaga dan ditumpukan sepenuhnya kepada operasi BMMB.<sup>26</sup>

#### 1.4 OBJEKTIF PENUBUHAN BMMB

BMMB ditubuhkan dengan berdasarkan kepada beberapa objektif yang telah digariskan oleh pihak pengurusan BMMB. Antara objektif penubuhannya ialah ;<sup>27</sup>

- (i) Menyahut cabaran bagi mempercepatkan, memenuhi dan menggalakkan kemajuan pembangunan perbankan Islam sebagai satu corak perbankan alternatif di Malaysia dan memenuhi permintaan yang menggalakkan terhadap sistem kewangan Islam.
- (ii) Memperkenalkan sistem perbankan yang berpegang teguh kepada prinsip keadilan dan kesamaan di dalam perdagangan dan perniagaan berorientasikan kebajikan.

<sup>26</sup> BMMB (2000), Annual Report April 1999 to March 2000, *Op.cit.*, hal 10.

<sup>27</sup> Bank Muamalat Malaysia Berhad (2002), **Panduan Berinteraksi Dengan Publik**, hal 1.



- (iii) Menawarkan produk-produk dan perkhidmatan yang berlandaskan prinsip-prinsip Syariah, undang-undang dan peraturan Islam kepada orang-orang Islam dan juga seluruh masyarakat berbilang bangsa di negara ini.
- (iv) Mengembangkan produk-produk dan perkhidmatan kewangan sebagai sebahagian daripada penyumbang kepada kemajuan ekonomi dan pembangunan Malaysia keseluruhannya.
- (v) Menyumbang kepada pertumbuhan dan perkembangan Sistem Kewangan Islam Dunia.

Visi BMMB pula ialah untuk mewujudkan sebuah bank yang moden, dinamik dan kukuh yang akan berperanan penting dalam penyediaan perkhidmatan perbankan berdayamaju, sebagai alternatif kepada perbankan konvensional bagi menyumbang kepada pembangunan negara Malaysia yang moden.<sup>28</sup> BMMB juga mempunyai misinya tersendiri iaitu BMMB beriltizam untuk menjadi sebuah bank yang berlandaskan Syariah yang kukuh, progresif dan moden dengan penawaran produk-produk dan perkhidmatan yang inovatif, berkualiti dan kompetitif.<sup>29</sup>

<sup>28</sup> BMMB (2000), Annual Report April 1999 to March 2000, *Op.cit.*, hal 10.

<sup>29</sup> BMMB (2002), Panduan Berinteraksi Dengan Publik, *Op.cit.*, hal 1. Lihat juga BMMB (2000) Annual Report April 2000 hingga Disember 2000, hal 2.



## 1.5 AKTA YANG DIGUNA PAKAI

Bank Muamalat Malaysia berhad beroperasi melalui Akta 276 iaitu Akta Bank Islam 1983 yang diluluskan oleh Parlimen Malaysia bagi membolehkan bank Islam beroperasi secara sah di Malaysia. Akta Bank Islam 1983 dibahagikan kepada lapan bahagian peruntukkan undang-undang dan 60 seksyen. Bahagian-bahagian tersebut ialah :<sup>30</sup>

- (i) Mengandungi tajuk ringkas, mula penguatkuasaan akta dan pemakaian akta serta tafsiran kepada akta.<sup>31</sup>
- (ii) Mengandungi keterangan mengenai perlesenan bank Islam<sup>32</sup>
- (iii) Berhubung dengan kehendak-kehendak kewangan dan kewajipan-kewajipan bank Islam.<sup>33</sup>
- (iv) Berhubung dengan pemilikan, pengawalan dan pengurusan bank Islam.<sup>34</sup>

<sup>30</sup> Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (2002), **Akta Bank Islam 1983(Akta 276)**, International Law Book Services, Petaling Jaya, Selangor, hal 1-49. Lihat juga BIMB (1995), Organization and Operation, *Op.cit.*, hal 3-4.

<sup>31</sup> Di dalam tafsiran menerangkan tentang takrifan bank Islam, Bank Negara, cawangan, lesen, liabiliti akaun pelaburan, liabiliti akaun simpanan, liabiliti bermasa, liabiliti deposit lain, liabiliti semasa, pendeposit, perbadanan, perniagaan bank Islam, subsidiari, syarikat, syarikat awam dan syer.

<sup>32</sup> Di dalam bahagian ini menyatakan berkenaan perniagaan bank Islam hanya boleh diuruskan oleh sesuatu bank Islam yang berlesen sahaja, menteri boleh mengubah atau membatalkan syarat lesen, lesen tidak boleh diberikan dalam hal-hal tertentu, pembukaan cawangan-cawangan baru, bank Islam boleh mengadakan hubungan bank koresponden dengan bank-bank luar Malaysia, yuran lesen, sekatan menggunakan beberapa perkataan dalam nama bank Islam, pembatalan lesen, kesan-kesan pembatalan lesen dan penyiaran senarai bank Islam.

<sup>33</sup> Di dalam bahagian ini menerangkan tentang penyenggaraan wang modal, penyenggaraan wang rizab, peratusan aset-aset cair, juruaudit dan laporannya, kunci kira-kira yang diaudit, pemberian perangkaan dan maklumat mengenai cawangan-cawangan di negara asing.

<sup>34</sup> Bahagian ini menyatakan berkenaan maklumat mengenai perubahan kawalan bank Islam, sanksi dikehendaki untuk membina semula, dsb., bank dan hilang kelayakkann pengarah-pengarah dan pekerja-pekerja bank.



- (v) Sekatan mengenai perniagaan.<sup>35</sup>
- (vi) Kuasa pengawasan dan pengawalan ke atas bank-bank Islam.<sup>36</sup>
- (vii) Merangkumi pelbagai perkara.<sup>37</sup>
- (viii) Pindaan-pindaan berbangkit.<sup>38</sup>

Inilah akta yang sedang dipakai oleh BMMB dan BIMB sebagai bank Islam di Malaysia untuk menjalankan operasinya secara sah dan lancar tanpa sebarang sekatan undang-undang yang berkaitan. Namun begitu, masih terdapat banyak halangan undang-undang yang perlu diberikan perhatian oleh pihak berkuasa bagi membolehkan pihak berkuasa menjalankan pindaan-pindaan dari masa ke semasa bagi memenuhi kehendak perjalanan perbankan Islam yang sebenarnya

<sup>35</sup> Bahagian ini menerangkan berkenaan sekatan mengenai pembayaran pindaan dan pemberian pendahuluan dan pinjaman, larangan mengenai pemberian pinjaman dsb kepada pengarah, pegawai dan pekerja, sekatan mengenai pemberian pinjaman, pendahuluan atau kemudahan kredit di bawah seksyen 25(4), sekatan kredit kepada seorang pelanggan, pengawalan had kredit, penzahiran kepentingan oleh pengarah, penghadan mengenai kemudahan kredit bagi maksud membayai pembelian atau pemegangan syer dan bukti mengenai pematuhan seksyen 24,25, 26, 27 dan 29.

<sup>36</sup> Dalam bahagian ini mengandungi penyiasatan mengenai bank-bank, penyiasatan khas mengenai pendahuluan dan pinjaman, mengemukakan buku-buku dan dokumen-dokumen bank, kerahsiaan bank, tindakan yang hendak diambil jika pendahuluan-pendahuluan adalah bertentang dengan kepentingan pendeposit, bank-bank yang tidak berupaya menjelaskan obligasi-obligasinya hendaklah memberitahu bank negara, tindakan oleh Bank Negara jika bank tidak berupaya menjelaskan obligasi-obligasinya atau menjalankan perniagaan secara yang mudarat kepada pendeposit, akibat pemecatan jawatan pengarah atau perlantikan seseorang pengarah oleh Bank Negara, pengawalan bank Islam oleh Bank Negara, kerjasama bank Islam dengan Bank Negara, perluasan bidang kuasa kepada subsidiari-subsidiari bank, moratorium dan pindaan bagi perlembagaan bank.

<sup>37</sup> Perkara tersebut antaranya ialah, indemiti, keutamaan bagi liabiliti semasa dan liabiliti akaun simpanan, penalti kepada pengarah-pengarah dan pengurus-pengurus, kesalahan oleh pengarah, pekerja dan ejen, kesalahan-kesalahan oleh syarikat-syarikat dan oleh pengkhidmat-pengkhidmat dan ejen-ejen, kakitangan dilarang menerima komisen, penalti am, kuasa Gabenor untuk mengkompaun, persetujuan Pendakwa Raya, peraturan-peraturan, hari kelepasan bank, pemakaian undang-undang lain dan pengecualian.

<sup>38</sup> Antaranya ialah pindaan bagi Akta Bank 1973, Akta Syarikat 1965, Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 dan Akta Syarikat Kewangan 1969.



## 1.6 ORGANISASI<sup>39</sup>

Sesebuah pertubuhan atau organisasi mempunyai struktur organisasinya yang tersendiri bagi mencerminkan kecekapan dalam pengurusan sesebuah organisasi tersebut dan juga peringkat komunikasinya. Melihat kepada struktur organisasi individu organisasi serta orang luar akan dapat melihat dengan jelas siapakah atau bahagian manakah dia harus berurusan jika terdapat keperluan untuk berbuat demikian.

Bagi BMMB struktur organisasinya didahului oleh Lembaga Pengarah yang terdiri daripada 10 Orang iaitu Datuk Ismail Haji Ahmad<sup>40</sup>, Encik Azmi Abdullah<sup>41</sup>, Encik Mohamed Ismail Mohamed Shariff,<sup>42</sup> Encik Ismail Ibrahim,<sup>43</sup>

<sup>39</sup> Annual Report BMMB 2001, *Op.cit.*, hal.3-12. Lihat juga Suara Muamalat, Edisi 7, *Op.cit.*, hal 7.

<sup>40</sup> Berumur 64 tahun, dilantik sebagai Pengarah Bank Muamalat pada 13 Oktober 1999 dan seterusnya sebagai Pengerusi Bank. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya dan kemudian memperolehi Sarjana dalam bidang Polisi Awam dan Pentadbiran dari Universiti Wisconsin, USA. Beliau pernah mengikuti Program Pengurusan Kanan yang dianjurkan oleh Harvard Business School. Sebelum menyertai sektor awam beliau berkhidmat dengan cemerlang di dalam Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik Malaysia dari tahun 1964 sehingga 1995. Beliau pernah berkhidmat dengan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Perusahaan Utama. Semasa berkhidmat dengan kerajaan beliau pernah menyang jawatan kanan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama (1976-1979) dan Ketua Eksekutif di Suruhanjaya Perdagangan Komoditi (1980-1995). Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah John Hancock Life Insurance (Malaysia) Berhad, Choo Bee Metal Industries Berhad dan Advance Packaging Technology (M) Berhad.

<sup>41</sup> Berumur 51 tahun, menyertai Lembaga Pengarah Bank Muamalat pada bulan September 1999. Beliau merupakan Pengarah Eksekutif Bank Bumiputra Commerce Berhad. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mula berkhidmat dengan Bank of Commerce (M) Berhad pada bulan Jun 1979 dan telah berkhidmat selama 22 tahun. Beliau juga merupakan anggota Lembaga Pengarah Technology Ventures Sdn. Bhd. dan Commerce Volantia Sdn. Bhd. dan Pengarah Bumiputra-Commerce Leasing Berhad, Bumiputra-Commerce Factoring Berhad dan Epic-I Sdn Bhd. yang merupakan syarikat-syarikat subsidiary Bank Bumiputra-Commerce Berhad. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah kepada ERF Sdn. Bhd. dan Universiti Kebangsaan Malaysia.



Encik Ashari Ayub,<sup>44</sup> Datin Azizah Mohd Jaafar<sup>45</sup>, Encik Jamil Hajar Abdul Muttalib<sup>46</sup>, Encik Othman Abdullah<sup>47</sup>, Encik Mohd Shukri Hussin<sup>48</sup> dan Tuan Haji Idrus Ismail<sup>49</sup>. Selepas Lembaga Pengarah organisasi BMMB diikuti oleh

<sup>42</sup> Berumur 57 tahun, berkelulusan LL.B (Hons) Singapore, LL.M (King's London), FCIArb (UK) of Lincoln's Inn, Barrister-at-law. Beliau merupakan peguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Agung Singapura. Beliau telah melibatkan diri selama 32 tahun dalam bidang guaman dan terlibat dalam perbankan Islam semenjak 1983. beliau juga mengajar secara sambilan dalam bidang undang-undang di Universiti Malaya dan universiti Islam Antarabangsa.

<sup>43</sup> Berumur 42 tahun, pemegang Ijazah Perakaunan UKM. Beliau menyandang jawatan Pengurus Kanan Khazanah National Berhad semenjak 1997. Beliau memulakan kerjaya pada 1985 dengan berkhidmat di Jabatan Akauntan Negara dan menyandang jawatan Akauntan Perbendaharaan di Bahagian Pelaburan dan Pinjaman dan sebagai Timbalan Pengarah di Bahagian Pengurusan Dana. Beliau mula dilantik sebagai Pengarah Bank Muamalat pada 23 Mac 2001. Beliau merupakan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif dan beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Audit Bank.

<sup>44</sup> Beliau menyertai Lembaga Pengarah Bank Muamalat pada bulan Julai 2001. Beliau adalah ahli kepada Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau juga merupakan rakan kongsi kanan di dalam firma perakaunan antarabangsa sebelum bersara pada tahun 1994.

<sup>45</sup> Beliau merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Beliau berkelulusan Akauntan Bertauliah dan merupakan seorang fellow Institut Akauntan Bertauliah of England and Wales dan juga ahli Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MACPA). Kerjaya beliau dalam perkhidmatan kerajaan termasuklah menyandang beberapa jawatan di jabatan Pemegang Amanah, Perbendaharaan Persekutuan, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Akauntan Negara dengan jawatan terakhirnya Timbalan Akauntan Negara.

<sup>46</sup> Berumur 51 tahun, dilantik sebagai Pengurus Besar dan Setiausaha Syarikat Commerce Asset-Holding Berhad pada Januari 1992. pada 1993 beliau juga dilantik sebagai Setiausaha Syarikat Bank of Commerce Malaysia Berhad. Beliau berkelulusan Undang-Undang daripada University of London pada tahun 1975 dan Barriuster-at-Law daripada Lincoln's Inn London. Beliau pernah bertugas di dalam perkhidmatan kehakiman dan undang-undang selama 9 tahun sebagai Majistret, Hakim Mahkamah Tengah, Timbalan Pendakwa Raya dan Penasihat Kanan Persekutuan sebelum menyertai Fleet Group Sdn. Bhd. sebagai penasihat undang-undang dan setiausaha syarikat pada tahun 1985. beliau juga pernah dilantik sebagai Setiausaha Syarikat Renong Berhad dari tahun 1990 hingga 1992 dan dan Naib Presiden Kanan dalam urusan perbankan cawangan di Bank of Commerce Malaysia Berhad dari Februari 1994 hingga Disember 1995. Beliau kini merupakan Pengarah AMAL Assurance Berhad, Commerce Asset Ventures Sdn. Bhd., Commerce Asset Fund Managers Sdn. Bhd., Commerce Trust Berhad, Commerce Asset Realty Sdn. Bhd dan Commerce Technology Ventures Sdn. Bhd.

<sup>47</sup> Beliau mula berkhidmat sebagai Akauntan Perbendaharaan di Jabatan Akauntan Negara pada 1 April 1977. Dari 1 Januari 1987 hingga 30 Jun 1993 beliau telah dipinjamkan ke Lembaga Letrik Sabah sebagai Timbalan Pengurus Besar Kewangan. Kini beliau berkhidmat sebagai Timbalan Akauntan Negara (operasi) di Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

<sup>48</sup> Beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad. Beliau berkelulusan Akauntan Bertauliah dari Institut Akauntan Bertauliah England and Wales (ICAEW). Sebelum berkhidmat di BMMB pada 1 Oktober 1999 beliau pernah berkhidmat dengan Bank of Commerce Malaysia Berhad dan CIMB Securities Sdn. Bhd.

<sup>49</sup> Beliau merupakan Setiausaha Syarikat dan Penasihat Undang-Undang Bank. Beliau berkelayakan dalam bidang ekonomi dan perundangan pernah berkhidmat dengan sebuah Institut Kewangan yang tersenarai dan mula berkhidmat di BMMB pada Mac 2001.



Majlis Penasihat Syariah dan Jawatankuasa Audit. Majlis Penasihat Syariah dianggotai oleh 5 orang ahli iaitu Prof. Dr. Abdul Halim Muhammad, Prof. Madya Md. Salleh Haji Ahmad, Prof. Madya Dr. Mohd Daud Bakar dan Penolong Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali, manakala Jawatankuasa Audit dianggotai oleh 6 orang ahli iaitu Datin Azizah Mohd Jaafar, Encik Ashari Ayub, Encik Azmi Abdullah, Encik Ismail Ibrahim, Tuan Haji Abu Yaziz Brahim dan Tuân Haji Idrus Ismail.


Di hairaki yang ketiga ialah bahagian pengurusan BMMB diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif iaitu Encik Mohd Shukri Hussin dan di bawah beliau terdapat tiga bahagian iaitu Bahagian Kesetiausahaan dan Perundangan Syarikat yang diketuai oleh Haji Idrus Ismail, Pengurus Besar Bahagian Sokongan iaitu Encik Agos Haji Cholan dan Pengurus Besar Bahagian Perbankan. Di bawah Bahagian Sokongan terdapat lapan jabatan utama iaitu Jabatan Pentadbiran dan Harta diketuai oleh Haji Mustafa Lebai Awang, Jabatan Pengurusan Resiko dan Pembiayaan diketuai oleh Haji Zainal Abidin Mohd Tahir, Jabatan Kewangan diketuai oleh Haji Abdul Manan Sidik, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia diketuai oleh Haji Zainuddin Ahmad, Jabatan Operasi diketuai oleh Haji Sabar Haji Abd Rahman, Jabatan Pengurusan Projek diketuai oleh Encik Hazimi Kassim, Jabatan Komunikasi Korporat diketuai oleh Encik Badruddin Haji Othman dan Jabatan Teknologi Maklumat diketuai oleh Encik Lokman Ismail.



Manakala di bawah Bahagian Perbankan terdapat tujuh jabatan lagi iaitu Jabatan Perbankan Pelaburan diketuai oleh Encik Abdul Rais Abdul Majid dan di bawah jabatan ini terletaknya Cawangan Luar Pesisir Labuan yang diketuai oleh Encik Yunus Ghani, Jabatan Perbankan Korporat diketuai oleh Haji Jamaluddin Salleh, Jabatan Produk, Pemasaran dan Sokongan diketuai oleh Haji Abu Yazid Haji Harun, Jabatan Perpendaharaan diketuai oleh Haji Fahirurazi Haji Yaacob, Pejabat Kawasan Tengah diketuai oleh Haji Abdul Rashid Abdul Kadir, Pejabat Kawasan Utara diketuai oleh Haji Hassan Ali dan Pejabat Kawasan Selatan diketuai oleh Haji Salleh Abdullah. Dibawah Pejabat Kawasan Tengah, Selatan dan Utara terletaknya Cawangan-Cawangan BMMB. Gambaran kepada struktur organisasi BMMB secara keseluruhannya boleh kita lihat melalui jadual di sebelah.



Rajah 1.01: Struktur Organisasi Bank Muamalat Malaysia Berhad



Sumber : Laporan Tahunan Bank Muamalat Malaysia Berhad 2001.



## 1.7 PEMEGANG SAHAM

Disebabkan penubuhan BMMB adalah hasil daripada pertukaran saham antara Menteri Kewangan (Diperbadankan) Malaysia atau Khazanah Nasional Berhad dan Commerce Asset-Holding Berhad, maka pemilikan saham bagi Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) adalah dipunyai oleh Khazanah Nasional Berhad di bawah Menteri Kewangan (Diperbadankan) Malaysia sebanyak 70 peratus saham dan Commerce Asset-Holding Berhad sebanyak 30 peratus saham. Inilah pemegang saham yang utama bagi BMMB semenjak ianya mula ditubuhkan dan beroperasi sehingga sekarang.<sup>50</sup>

<sup>50</sup> BMMB, Laporan Tahunan April 1999-Mac 2000, *Op.cit.*, hal 10. Lihat juga BMMB, Suara Muamalat, Edisi 1, *Op.cit.*, hal 11. Lihat juga BMMB, Panduan Berinteraksi Dengan Publik, *Op.cit.*, hal 2.



## 1.8 PENUTUP

Inilah urutan sejarah yang wujud disebalik perbankan Islam yang ada sekarang di Malaysia mahupun negara Islam dan bukan Islam yang lain. Sejarah penubuhan BMMB adalah sangat muda dan ianya baru berlalu dalam jangka masa lebih kurang dua tahun yang lepas. Dengan penerangan ini penulis berharap dapat menerangkan kepada umum sejarah perbankan Islam di dunia secara amnya dan evolusi perkembangan perbankan Islam secara khasnya agar menjadi satu pengatahuan yang berguna kepada masyarakat bahawa Islam itu mencakupi semua bidang kehidupan di dunia mahupun akhirat.